

18

No Soalan: 7

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Bertulis

**DARIPADA** : Datuk Raime Bin Unggi  
[ Tenom ]

**SOALAN** : Datuk Raime Bin Unggi ( Tenom )  
minta **MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan  
keberkesanan Agensi pemberi  
kemudahan kredit kepada usahawan  
pertanian dalam melahirkan kekayaan  
baharu dalam sektor pertanian  
mengikut negeri pada tahun 2012,  
2013, 2014, 2015, 2016 dan 10 bulan  
pertama tahun 2017.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Agrobank dan TEKUN Nasional merupakan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan terutamanya dalam bidang pertanian.

Dalam tempoh 6 tahun, iaitu dari 2012 hingga September 2017, Agrobank telah meluluskan pembiayaan berjumlah **RM16.61 bilion** kepada **708,566 usahawan tani** untuk menjalankan dan mengembangkan projek atau perniagaan mereka dalam pelbagai bidang seperti pertanian dan industri asas tani seperti di Jadual 1.

Manakala pembiayaan yang telah diluluskan oleh TEKUN Nasional dalam sektor pertanian adalah sebanyak **RM180,601,300** kepada **18,909** orang usahawan sepanjang tempoh yang sama iaitu dari tahun 2012 hingga September 2017. Butiran seperti di Jadual 2:

**Jadual 1:**  
**Pembiayaan Bagi Sektor Pertanian Mengikut Negeri**  
**Oleh Agrobank Pada Tahun 2012 Sehingga September 2017**

NEGERI	2012		2013		2014		2015		2016		Sehingga Sept 2017		Jumlah	
	Bil. pemohon	Nilai (RM)	Bil. pemohon	Nilai (RM)	Bil. pemohon	Nilai (RM)	Bil. pemohon	Nilai (RM)	Bil. pemohon	Nilai (RM)	Bil. pemohon	Nilai (RM)	Bil. pemohon	Nilai (RM)
JOHOR	15,256	266,642,802.21	7,577	169,957,960.93	5,314	261,403,666.61	4,729	125,396,170.58	7,996	264,993,414.00	4,379	97,734,391.45	45,251	1,186,128,405.78
KEDAH	20,351	274,267,464.36	13,457	234,738,257.64	9,210	181,304,016.40	6,419	143,223,217.62	8,691	206,923,173.71	5,116	110,978,780.34	63,244	1,151,434,910.07
KELANTAN	28,775	258,217,808.43	20,237	183,988,902.50	13,207	204,055,382.87	9,547	138,238,392.36	10,691	210,382,856.01	7,269	141,922,154.55	89,726	1,136,805,496.72
MELAKA	6,031	209,048,728.74	3,322	114,505,291.86	2,775	100,922,259.72	1,975	99,240,261.68	2,796	80,605,618.49	1,563	79,884,080.00	18,462	684,206,240.49
NEGERI SEMBILAN	10,128	139,894,548.17	4,545	84,617,047.68	2,589	102,928,595.78	2,205	79,344,487.01	2,891	88,232,233.34	1,467	42,059,563.26	23,825	537,076,475.24
PAHANG	13,393	240,470,130.79	8,816	336,757,167.91	7,765	136,666,215.43	6,995	255,448,289.99	9,950	319,275,631.91	5,872	92,966,186.43	52,791	1,381,583,622.46
PERAK	33,345	488,027,897.83	21,762	302,551,646.62	12,756	261,240,578.94	8,151	293,889,997.06	10,321	284,203,716.63	6,500	223,824,458.48	92,835	1,853,738,295.56
PERLIS	8,423	83,552,078.85	6,148	75,752,736.40	3,704	43,788,710.20	2,321	32,907,055.61	2,496	52,153,160.00	1,800	19,995,600.00	24,892	308,149,341.06
PULAU PINANG	31,104	272,271,612.62	16,173	162,002,663.00	9,548	114,279,123.82	5,306	104,046,089.29	5,517	81,022,730.00	3,367	125,514,616.62	71,015	859,136,835.35
SABAH	8,985	303,363,367.56	6,325	324,828,501.67	5,036	257,511,171.47	4,312	284,887,382.57	5,597	202,753,109.61	3,416	153,736,082.91	33,671	1,527,079,615.79
SARAWAK	11,841	323,373,738.34	7,952	443,032,207.77	7,616	310,348,789.02	5,753	311,958,027.13	6,481	226,220,729.44	5,090	172,377,002.25	44,733	1,787,310,493.95
SELANGOR	25,008	522,511,504.72	15,845	242,935,281.40	11,809	280,201,536.56	7,483	325,491,749.30	9,623	413,046,691.26	6,238	259,871,357.14	76,006	2,044,058,120.38
TERENGGANU	13,063	184,717,293.39	8,701	125,721,812.37	6,339	108,083,395.02	4,800	195,374,135.19	5,782	126,444,776.90	3,818	53,643,270.92	42,503	793,984,683.79
W P KUALA LUMPUR	13,699	238,600,562.29	5,186	153,972,134.74	3,457	183,296,479.07	2,276	276,572,172.69	3,340	364,329,048.18	1,654	145,154,252.34	29,612	1,361,924,649.31
<b>JUMLAH</b>	<b>239,402</b>	<b>3,804,959,538.30</b>	<b>146,046</b>	<b>2,955,361,612.49</b>	<b>101,125</b>	<b>2,546,029,920.91</b>	<b>72,272</b>	<b>2,666,017,428.08</b>	<b>92,172</b>	<b>2,920,586,889.48</b>	<b>57,549</b>	<b>1,719,661,796.69</b>	<b>708,566</b>	<b>16,612,617,185.95</b>

**Jadual 2:**  
**Pembiayaan Bagi Sektor Pertanian Mengikut Negeri**  
**Oleh TEKUN Nasional Pada Tahun 2012 Sehingga September 2017**

Negeri	2012		2013		2014		2015		2016		2017 (Jan-Sept)		Jumlah	
	Bil. Pemohon	Nilai (RM)	Bil. Pemohon	Nilai (RM)	Bil. Pemohon	Nilai (RM)	Bil. Pemohon	Nilai (RM)	Bil. Pemohon	Nilai (RM)	Bil. Pemohon	Nilai (RM)	Bil. Pemohon	Nilai (RM)
JOHOR	214	2,185,500.00	236	2,206,000.00	233	1,823,000.00	449	5,782,000.00	384	5,888,000.00	175	2,893,000.00	1,691	20,777,500.00
KEDAH	361	3,350,500.00	289	2,453,000.00	308	2,812,500.00	390	4,816,500.00	462	5,357,000.00	152	1,641,000.00	1,962	20,430,500.00
KELANTAN	147	1,446,500.00	176	1,580,500.00	149	1,108,500.00	348	4,500,000.00	231	2,721,000.00	97	1,044,000.00	1,148	12,400,500.00
MELAKA	54	550,000.00	69	612,000.00	69	722,000.00	120	2,099,000.00	109	1,753,000.00	32	377,000.00	453	6,113,000.00
NEGERI SEMBILAN	79	823,000.00	86	1,022,000.00	121	1,529,300.00	181	2,316,500.00	175	3,283,500.00	48	850,000.00	690	9,824,300.00
PAHANG	172	1,758,000.00	193	1,778,500.00	236	2,557,500.00	647	11,140,500.00	374	4,744,500.00	139	1,342,000.00	1,761	23,321,000.00
PERAK	182	1,758,000.00	205	1,958,000.00	211	1,967,500.00	204	2,720,500.00	238	4,019,000.00	100	1,524,000.00	1,140	13,947,000.00
PERLIS	56	485,000.00	56	458,000.00	51	356,000.00	85	916,000.00	62	750,000.00	46	508,000.00	356	3,473,000.00
PULAU PINANG	58	649,000.00	67	677,000.00	94	826,500.00	100	1,151,500.00	123	1,702,000.00	41	612,000.00	483	5,618,000.00
SELANGOR	170	1,764,500.00	144	1,910,500.00	162	1,873,500.00	206	3,490,000.00	185	2,979,000.00	80	1,462,000.00	947	13,479,500.00
TERENGGANU	283	2,198,500.00	236	1,468,000.00	249	1,810,000.00	382	3,354,000.00	221	2,704,000.00	110	1,091,000.00	1,481	12,625,500.00
WP KUALA LUMPUR	8	160,000.00	17	292,000.00	9	183,000.00	12	409,000.00	15	238,000.00	4	36,000.00	65	1,318,000.00
SABAH	316	2,135,500.00	394	2,075,000.00	398	2,355,000.00	1,022	6,330,500.00	902	5,526,000.00	339	2,016,500.00	3,371	20,438,500.00
SARAWAK	458	2,417,000.00	410	1,904,500.00	482	2,232,000.00	921	4,657,000.00	689	3,545,500.00	401	2,079,000.00	3,361	16,835,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>2,558</b>	<b>21,681,000.00</b>	<b>2,578</b>	<b>20,395,000.00</b>	<b>2,772</b>	<b>22,156,300.00</b>	<b>5,067</b>	<b>53,683,000.00</b>	<b>4,170</b>	<b>45,210,500.00</b>	<b>1,764</b>	<b>17,475,500.00</b>	<b>18,909</b>	<b>180,601,300.00</b>

Bagi **Negeri Sabah**, seramai 3,371 orang usahawan yang terlibat dalam sektor pertanian dan industri asas tani telah menerima pembiayaan oleh TEKUN Nasional sebanyak RM20,438,500 yang disalurkan sepanjang tempoh dari tahun 2012 sehingga 2017. Manakala bagi kawasan **Tenom**, seramai 197 orang usahawan telah menerima pembiayaan sebanyak RM967,000 dalam sektor dan tempoh masa yang sama. Antara aktiviti pertanian yang dijalankan oleh usahawan di kawasan Tenom adalah seperti ternakan ayam, itik, hasil laut dan ikan air tawar serta tanaman kontan seperti jagung, pisang, lada dan sebagainya.

Modal perniagaan yang diberi membolehkan usahawan meningkatkan hasil dan jualan pertanian mereka dengan membeli peralatan dan kelengkapan pertanian, input pertanian dan keperluan pemasaran hasil tanaman.